

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 2001/2002

April 2002

**CPM303 – Grafik Komputer & Pekomputeran Visual**

Masa : 3 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** soalan di dalam **TUJUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
  - Jawab mana-mana **EMPAT (4)** soalan dalam Bahasa Malaysia.
  - Apabila algoritma atau pengekodan diminta, anda boleh menulis dalam sebarang pseudokod. Sintaks yang tepat untuk sebarang bahasa pengaturcaraan tidak diperlukan.
-

1. (a) Beri *lima* (5) penggunaan komputer yang *memerlukan* grafik komputer dan *lima* (5) lagi penggunaan yang menggunakan grafik komputer untuk *meningkatkan* lagi penggunaan komputer berkenaan.

[20/100]

- (b) Huraikan maksud dengan bantuan gambar rajah yang dilabel dengan jelas "*talian paip geometri*" iaitu empat langkah utama proses pengimejan. Tunjukkan juga sistem koordinat dan transformasi yang anda jangkakan dalam sesuatu sistem yang direka bentuk dengan cekap untuk memaparkan pelbagai objek.

[20/100]

- (c) (i) Tulis satu catatan ringkas tentang *jadual rujukan warna*.  
(ii) Diberikan suatu imej berwarna 24 bit (iaitu dengan 8 bit per piksel untuk merah, hijau dan biru), dan sebuah paparan 8 bit dengan *jadual rujukan warna* 24 bit, bincangkan bagaimana anda boleh memaparkan imej tersebut.

[20/100]

- (d) Graf berikut diperlukan untuk melambangkan satu set data yang tersimpan di dalam tatasusunan  $x$  dan  $y$  yang masing-masing mengandungi  $n$  data yang sepadan pada arah  $x$  dan  $y$ . Rupa bentuk graf yang dikehendaki ialah satu siri garis yang menyambungkan titik data dan setiap titik data ditanda dengan penanda dan kawasan di antara garis-garis tersebut dan paksi  $x$  hendaklah dilorek (diisi). Guna perintah OpenGL™ untuk melukis graf tersebut. Lukisan paksi tidak diperlukan.

[20/100]

- (e) Sebuah tetingkap  $W$  mempunyai sudut atas kiri di  $(150, 560)$  dan sudut bawah kanan di  $(480, 140)$ . Port pandang  $V$  pula mempunyai sudut atas kiri di  $(0.3, 0.95)$  dan sudut bawah kanan di  $(0.75, 0.1)$ .
- (i) Beri perintah OpenGL™ untuk menspesifikasikan segi empat pengeratan/pemandangan dan port pandang tersebut.  
(ii) Jika sebuah segi empat sama muncul di dalam  $W$ , apakah *nisbah tinggi dan lebar* segi empat berkenaan di dalam  $V$ ?

[20/100]

2. (a) Nyatakan *peranti input logik* yang paling sesuai bagi setiap *peranti input fizikal* berikut:

- (i) Tetikus.
- (ii) Memeja data.
- (iii) Bebola jejak.
- (iv) Pen cahaya.
- (v) Kayu bedik.

[10/100]

(b) Banding dan bezakan pasangan entiti berikut:

- (i) Mekanisme *callback* dan mod peristiwa.
- (ii) *glNewList(X, GL\_COMPILE)* dan *glNewList(X, GL\_COMPILE\_AND\_EXECUTE)*
- (iii) *glCallList* dan *glCallLists*.


[25/100]

(c) Segi tiga berbucu  $(0, 0, 0)$ ,  $(1, 1, 0)$  dan  $(5, 2, 0)$  perlu diubahsuaikan kepada saiz dua kali lebih besar tetapi titik  $(5, 2, 0)$  *tetap* berada di titik yang sama dan seterusnya putaran 90 darjah pada suatu garis yang melalui asalan dan titik  $(2, 2, 2)$  dengan titik tetap  $(4, 4, 4)$ .

- (i) Lakarkan rupa bentuk dan kedudukan/orientasi segi tiga tersebut pada setiap tahap.
- (ii) Tulis kod dengan menggunakan perintah-perintah OpenGL<sup>TM</sup> untuk mencipta objek berkenaan dan melakukan pengubahsuaian dan transformasi seperti yang dispesifikasikan.

[30/100]

- (d) (i) Lakar dengan menggunakan sistem koordinat yang bersesuaian rupa bentuk objek yang diuraikan di dalam perwakilan *senarai bucu* berikut:



- (ii) Berikan **dua(2)** kebaikan menggunakan perwakilan *senarai bucu* di atas.

[35/100]

3. (a) Soalan-soalan berikut ialah tentang Algoritma Pengeratan *Cohen-Sutherland*.

- Tulis satu catatan ringkas tentang *kecekapananya*.
- Garis yang bagaimanakah yang akan mengambil *masa yang paling lama* untuk diproses dan garis yang bagaimana pula yang mengambil *masa yang paling singkat* untuk diproses, berdasarkan titik-titik hujung (kod luar) dan persilangan dengan segi empat pengeratan? Berikan contoh untuk setiap kes dan jelaskan jawapan anda.
- Adakah terdapat masalah jika garis yang dikerat *selari* dengan paksi x atau *selari* dengan paksi y jika algoritma ini digunakan? Jelaskan jawapan anda.
- Adakah terdapat sebarang masalah jika algoritma ini digunakan untuk mengerat *poligon*? Jelaskan jawapan anda.

[45/100]

- (b) (i) Mengapakah operasi-operasi seperti pendaraban dan pembahagian perlu dikurangkan dalam algoritma raster?
- (ii) Apakah yang dimaksudkan oleh kaedah *penokokan* (incremental approach)? Jelaskan bagaimana konsep ini digunakan untuk mengekplorasi kekoherenan garis imbas dalam algoritma pelukisan garis atau algoritma isi kawasan.

- (iii) Bincangkan dengan ringkas bagaimana algoritma '*super-sampling*' mengurangkan kesan bergerigi imej raster. Gunakan contoh yang bersesuaian dalam penjelasan anda.

[25/100]

- (c) (i) Dinyatakan, kaedah imej ruang mempunyai kekompleksan  $O(N)$  manakala kaedah objek ruang mempunyai kekompleksan  $O(N^2)$ , yang mana  $N$  merupakan bilangan primitif yang hendak diproses. Jelaskan mengapa keadaan ini berlaku dengan menggunakan proses pembuangan permukaan terlindung sebagai contoh.
- (ii) Adakah algoritma *penimbal z* memberikan imej yang sama, tanpa mengira susunan primitif-primitif yang diprosesnya? Adakah nilai akhir yang disimpan pada penimbal *z* adalah sama?
- (iii) Salah satu keburukan kaedah *penimbal z* adalah keperluan penimbal tambahan untuk menyimpan nilai *z* yang saiznya sama dengan penimbal segar semula. Bagaimanakah anda boleh mengurangkan penggunaan ruang dalam keadaan penimbal *z*?

[30/100]

4. (a) Soalan ini berkisar tentang konsep *unjuran* dalam OpenGL<sup>TM</sup>.
- (i) Nyatakan dengan ringkas apakah yang dimaksudkan dengan unjuran *ortografik*, *unjuran serong* dan *unjuran perspektif*.
- (ii) Jika satah unjuran berada pada lokasi di belakang pusat unjuran, jelaskan apa yang berlaku pada objek yang diunjurkan. Tunjukkan jawapan anda dengan penggunaan contoh yang bersesuaian.
- (iii) Unjuran *selari serong* dan unjuran *perspektif tak simetri* boleh dipermudahkan kepada unjuran ortografik melalui proses *penormalan* unjuran. Nyatakan langkah-langkah yang terlibat dalam proses penormalan ini.

[30/100]


- (b) Dalam *model pantulan Phong*, penghitungan keamatan dan juga warna setiap piksel yang membentuk permukaan dipengaruhi oleh kesan interaksi antara sumber cahaya dan ciri-ciri bahan yang terdapat pada objek. Nyatakan kesemua jenis sumber cahaya dalam model ini, dan jelaskan secara ringkas sifat-sifat setiap sumber cahaya tersebut.

[25/100]

- (c) Secara ringkas huraikan pendekatan yang digunakan oleh kaedah *pelorekan malar* dan kaedah *pelorekan Gouraud*. Nyatakan juga kekurangan dan kebaikan kaedah-kaedah tersebut.

[25/100]

- (d) Dengan menggunakan *pelorekan Phong*, tunjukkan bagaimana vektor normal pada titik P (berada di tengah-tengah permukaan S) dikira (lihat gambar rajah di bawah):



[20/100]

5. (a) *Visualisasi saintifik* merupakan satu disiplin yang muncul dari bidang penggunaan grafik komputer.
- Apakah visualisasi saintifik dan kepentingannya?
  - Apakah jenis-jenis *set data* yang digunakan dalam visualisasi saintifik?

[15/100]

- (b) Teknik *Marching Cube* digunakan untuk memetakan data 3D atau voksel kepada bentuk primitif geometri sebelum dipersembahkan.
- Huraikan *pendekatan* yang digunakan oleh kaedah ini untuk memetakan voksel kepada iso-permukaan.
  - Nyatakan *kelemahan-kelemahan* yang terkandung dalam kaedah ini, dan syorkan cara *penyelesaian* kepada kelemahan-kelemahan tersebut.

[25/100]

(c) Perwakilan *implisit* objek melalui persamaan berparameter seperti perwakilan Bezier dan Splin adalah sesuai untuk objek-objek yang kompleks seperti lekuk.

- (i) Nyatakan *ciri-ciri* baik perwakilan implisit dalam penggunaan reka bentuk bersaling tindak.
- (ii) Setakat manakah perwakilan *Bezier* dan *Splin* memenuhi ciri-ciri yang anda nyatakan dalam 5(c)(i) di atas. Berikan gambar rajah yang bersesuaian (jika perlu) untuk menyokong jawapan anda.

[25/100]

(d) Kaedah *pemetaan tekstur* digunakan untuk menghasilkan imej yang terperinci dan realistik tanpa mewakilkan objek-objek dalam bentuk implisit ataupun tanpa pembinaan model yang kompleks.

- (i) Nyatakan bagaimana kaedah pemetaan tekstur mencapai objektif ini.
- (ii) Terangkan *dua* daripada tiga kaedah pemetaan tekstur untuk menghasilkan imej yang terperinci dan realistik.

[20/100]

(e) Terangkan kegunaan *dua* daripada empat jenis *penimbal* yang terdapat dalam OpenGL<sup>TM</sup>.

[15/100]